A

Pendakwa Raya lwn Muhammad Syukri bin Ishak dan lain-lain dan permohonan lain

B

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH PB-43(A)-1–01 TAHUN 2023, PB-43(A)-2–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-3–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-4–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-5–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-6–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-7–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-8–02 TAHUN 2023,
C PB-43(A)-9–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-10–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-11–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-12–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-13–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-14–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-15–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-16–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-17–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-18–02 TAHUN 2023,
D PB-43(A)-19–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-20–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-21–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-22–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-23–02 TAHUN 2023, PB-43(A)-24–02 TAHUN 2023 DAN PB-43(A)-25–02 TAHUN 2023

FATHIYAH IDRIS PK

E 26 DISEMBER 2023

Prosedur Jenayah — Semakan — Permohonan — Permohonan semakan terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen khas ('hakim bicara') — Tertuduh-tertuduh membantah penggunaan penyata bertulis saksi
F *pendakwaan — Hakim bicara memutuskan keterangan saksi diberikan secara lisan dan penyata saksi dirujuk sebagai panduan — Sama ada hakim bicara dengan betul menggunakan budi bicaranya apabila memutuskan bahawa keterangan saksi diberikan secara lisan dan penyataan bertulis boleh digunakan sebagai panduan — Kanun Tatacara Jenayah ss 323 , 325 & 402B*

G

Kesemua 25 tertuduh ('OKT-OKT') telah dituduh di bawah s 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('ASPRM') dan pertuduhan alternatif bawah s 165 Kanun Keseksaan secara berasingan. OKT-OKT mengaku tidak bersalah dan memohon untuk dibicarakan. Perbicaraan telah
H dijalankan secara serentak di hadapan hakim mahkamah sesyen khas SPRM ('hakim bicara'). Setelah tiga saksi pendakwaan selesai memberi keterangan melalui penyata bertulis, perbicaraan diteruskan dengan memanggil saksi pendakwaan keempat ('SP4') untuk memberi keterangan melalui penyata bertulis. Penyata bertulis SP4 telah diserahkan kepada pihak pembelaan pada
I tarikh yang lebih awal dan nama SP4 juga disebut di dalam pertuduhan utama dan pertuduhan pilihan. Walau bagaimanapun, peguam bela OKT1 dan OKT17 memohon agar SP4 membaca penyata bertulis tersebut secara kuat dan tidak hanya direkodkan sebagai telah dibaca. Peguam bela OKT9 pula membantah penggunaan penyata bertulis SP4 atas alasan ianya tidak teratur

dan tidak mengikut peruntukan s 402B Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Setelah mendengar bantahan pihak pembelaan, hakim bicara memutuskan bahawa SP4 memberi keterangan secara lisan dan penyata saksi boleh dirujuk sebagai panduan. Oleh itu, permohonan semakan ini oleh pihak pendakwaan terhadap keputusan hakim bicara berkaitan bantahan pihak pembelaan terhadap penggunaan penyata bertulis SP4. Isu untuk penentuan adalah sama ada hakim bicara telah dengan betul menggunakan budi bicaranya apabila memutuskan bahawa keterangan SP4 diberikan secara lisan dan penyataan bertulis boleh digunakan sebagai panduan.

Diputuskan, mengekalkan keputusan mahkamah sesyen:

(1) Penggunaan perkataan 'may' dalam s 402B(2) KTJ menunjukkan bahawa penyata saksi boleh dikemukakan ke mahkamah dan pengemukaannya bukan bersifat mandatori. Hakim bicara mempunyai budi bicara sama ada akan menggunakan penyata saksi atau mendengar keterangan saksi secara lisan. Penggunaan penyata bertulis saksi yang diperuntukkan oleh s 402B KTJ hanya bersifat direktori dan hakim bicara mempunyai budi bicara sama ada hendak menerima atau menolak penyata saksi tersebut (lihat perenggan 38 & 40).

(2) Tiada apa-apa 'incorrectness, impropriety or illegality' dalam keputusan hakim bicara yang mewajarkan campur tangan atau mengganggu keputusan tersebut. Prosiding perbicaraan yang berlangsung melalui keterangan lisan SP4 tidak menjejaskan tatacara perbicaraan yang adil kepada kedua-dua pihak, tambahan pula penyata saksi tersebut boleh dirujuk sebagai panduan. Semua kriteria sebagaimana yang diperihalkan dalam s 402B KTJ telah dipenuhi bagi membolehkan penyata bertulis dikemukakan sebagai keterangan di mahkamah. Oleh itu, tiada asas konkrit untuk mahkamah menggunakan kuasa semakan terhadap keputusan hakim bicara sebagaimana yang diperuntukkan dalam ss 323 dan 325 KTJ (lihat perenggan 44, 46–47 & 51).

[Bahasa Malaysia summary

All 25 accused ('OKTs') were charged under s 16(a)(B) of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 ('MACCA') and alternative charges under s 165 of the Penal Code separately. The OKTs pleaded not guilty and claimed trial. The trial was conducted simultaneously before the judge of the MACC special session court ('trial judge'). After the three prosecution witnesses finished testifying through written statements, the trial continued by calling the fourth prosecution witness ('SP4') to testify through written statements. SP4's written statement was submitted to the defence at an earlier date and SP4's name was also mentioned in the main charge and alternative charge. However, the advocates of OKT1 and OKT17 requested that SP4 read the written statement out loud and not just record it as having been read. The advocate of OKT9 objected to the use of SP4's written statement on the

grounds that it was irregular and did not comply with the provisions of s 402B of the Criminal Procedure Code ('the CPC'). After hearing the objections of the defence, the trial judge decided that SP4 testified orally and the witness statement could be referred to as a guide. Therefore, this review application by the prosecution against the trial judge's decision related to the defence's objection to the use of written statement SP4. The issue for determination was whether the trial judge properly exercised his discretion in ruling that SP4's statement was given orally and that the written statement could be used as a guide.

Held, affirming the decision of the sessions court:

(1) The use of the word 'may' in s 402B(2) of the CPC indicated that the witness statement could be submitted to the court and its submission was not mandatory. The trial judge had the discretion whether to use the witness's statement or hear the witness's statement orally. The use of written witness statements provided for by s 402B of the CPC was only directory and the trial judge had the discretion to accept or reject the witness statement (see paras 38 & 40).

(2) There was no incorrectness, impropriety or illegality in the decision of the trial judge that justified interfering or disturbing with the decision. The trial proceedings that took place through SP4's oral statement did not affect the fair trial procedure for both parties, in addition the witness statement could be referred to as a guide. All the criteria as described in s 402B of the CPC had been met to enable the written statement to be presented as evidence in court. Therefore, there was no concrete basis for the court to use the power of review against the ruling of the trial judge as provided in ss 323 and 325 of the CPC (see paras 44, 46–47 & 51).]

Kes-kes yang dirujuk

Maleb bin Su v PP; Cheak Yoke Thong v PP [1984] 1 MLJ 311 (dirujuk)
Duport Steels Ltd and others v Sirs and others [1980] 1 WLR 142, HL (dirujuk)
Lee Ming Chai v PP [2020] MLJU 414, MT (dirujuk)
Liaw Kwai Wah & Anor v PP [1987] 2 MLJ 69; [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ Rep 163, MA (dirujuk)
Miss Rossarin Nuekaew v PP [2017] 5 MLJ 1; [2017] 5 MLRA 480; [2017] 8 CLJ 503, MP (dirujuk)
Noor Hisham bin Md Nawi lwn Pendakwa Raya [2022] MLJU 725; [2022] 1 LNS 719, MT (dirujuk)
PP v Kulasingam [1974] 2 MLJ 26; [1974] 1 LNS 118 (dirujuk)
R v Lachiram ILR 28 Bom 533 (dirujuk)
Soo Leot, Re [1956] 1 MLJ 54b (dirujuk)
Sri Ganesh a/l Jaya Balan v PP and other appeals [2021] MLJU 2642; [2022] 2 MLRA 293, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 137
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ss 31, 35, 36, 37
Akta Sumpah dan Ikrar 1949 s 13
Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 s 16(a)(B)
Akta Tafsiran 1948 dan 1967d s 17A
Kanun Keseksaan s 165
Kanun Tatacara Jenayah ss 268, 307, 323, 323(1), 325, 399, 402A, 402B, 402B(2), (2)(a), (2)(b)

Nor Azura bt Zulkiflee (Afiqa Liyana bt Rozman bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) bagi pihak pemohon.
Ang Chun Pun (CP Ang & Co); Ashok Athimulan (Athimulan & Co); Naran Singh (Naran Singh & Co); Norasyikin Zakaria (Muhd Hafiz Zainol Abidin bersamanya) (Asyikin & Co) bagi pihak responden.

Fathiyah Idris PK:

PENGENALAN

[1] Di dalam penghakiman ini pihak-pihak akan dirujuk sebagaimana mereka di Mahkamah Sesyen Khas SPRM, Butterworth iaitu pendakwaan ('TPR') dan tertuduh-tertuduh (OKT-OKT).

[2] Melalui surat bertarikh 3 Januari 2023 pihak TPR telah menulis ke mahkamah ini memohon agar satu semakan ke atas keputusan yang telah dibuat oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen Khas SPRM, Butterworth ('hakim bicara') pada 1 Disember 2022 berkaitan bantahan pihak peguam bela OKT-OKT terhadap penggunaan penyata bertulis bagi saksi pendakwaan yang keempat (SP4), di mana hakim bicara telah memutuskan bahawa *keterangan SP4 akan diberikan secara lisan dan penyata saksi boleh dirujuk sebagai panduan* di dalam perbicaraan yang sedang berlangsung di Mahkamah Sesyen Khas SPRM terhadap kesemua 25 OKT.

LATAR BELAKANG PERMOHONAN SEMAKAN

[3] Kesemua 25 OKT telah dituduh di bawah s 16(a)(B) Akta SPRM 2009 dan pertuduhan alternatif di bawah s 165 Kanun Keseksaan secara berasingan dan kesemua mereka mengaku tidak bersalah dan memohon untuk dibicarakan. Perbicaraan terhadap kesemua 25 OKT telah dijalankan secara serentak di hadapan hakim bicara.

[4] Bagi memudahkan rujukan, di bawah ini diperturunkan salah satu pertuduhan utama di bawah s 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

Malaysia 2009 dan pertuduhan pilihan di bawah s 165 Kanun Keseksaan yang telah dikemukakan terhadap salah seorang OKT:

PERTUDUHAN UTAMA

Bahawa kamu, pada 10.05.2016. di Public Bank Cawangan Taman Bandar Raya, 15-18, Lorong Sepakat Satu, Taman Bandar Raya, Bukit Mertajam, di dalam Daerah Seberang Perai Tengah, di dalam Negeri Pulau Pinang, telah secara rasuah menerima bagi kamu suatu suapan, iaitu wang berjumlah Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh (RM150.00) melalui Akaun Simpanan Maybank milik Nurul Atikah Binti Mohd Khashim bernombor 107161935096, daripada Ooi Cheng Keat (No. K/P: 731111-07-5507), iaitu Pengarah syarikat Sam Lian Transport & Tyre Sdn Bhd dan TSR Transport Sdn Bhd, sebagai dorongan untuk diri kamu sebagai seorang pegawai badan awam, iaitu Pemeriksa Kereta Motor Gred AB 17, yang bertugas di Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Pulau Pinang, untuk melakukan suatu perkara yang dicadangkan, iaitu kamu tidak akan mengambil tindakan ke atas lori-lori milik syarikat Sam Lian Transport & Tyre Sdn Bhd dan TSR Transport Sdn Bhd yang mungkin akan melakukan kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

PERTUDUHAN PILIHAN

Bahawa kamu, pada 10.05.2016, di Public Bank Berhad Cawangan Taman Bandar Raya, 15-18, Lorong Sepakat Satu, Taman Bandar Raya, Bukit Mertajam, di dalam Daerah Seberang Perai Tengah, di dalam Negeri Pulau Pinang, sebagai seorang penjawat awam, iaitu Pemeriksa Kereta Motor Gred AB17, yang bertugas di Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Pulau Pinang, telah memperoleh untuk diri kamu sendiri suatu benda berharga tanpa suatu balasan, iaitu wang berjumlah Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh (RM150.00) daripada Ooi Cheng Keat (No. K/P: 731111-07-5507), iaitu Pengarah syarikat Sam Lian Transport & Tyre Sdn Bhd dan TSR Transport Sdn Bhd, melalui Akaun Simpanan Maybank milik Nurul Atikah binti Mohd Khashim bernombor 107161935096, yang mana kamu ketahui Ooi Cheng Keat mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasmi kamu, yang melibatkan penguatkuasaan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 ke atas lori-lori milik syarikat Sam Lian Transport & Tyre Sdn Bhd dan TSR Transport Sdn Bhd, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan.

[5] Berdasarkan nota prosiding di Mahkamah Sesyen Khas SPRM, perbicaraan telah dijalankan dan seramai tiga orang saksi pendakwaan telah selesai memberi keterangan melalui penyata bertulis.

[6] Selanjutnya pada 1 Disember 2022, perbicaraan diteruskan dan pihak TPR telah memanggil En Ooi Cheng Keat (SP4) untuk memberi keterangan melalui penyata bertulis yang telah disediakan. Penyata bertulis SP4 telah diserahkan kepada semua pihak pembelaan melalui emel pada tarikh yang lebih awal. Nama Ooi Cheng Keat disebut di dalam pertuduhan utama dan pertuduhan pilihan.

[7] Selepas SP4 mengangkat sumpah, Peguambela yang mewakili OKT1 dan OKT17, iaitu En Ang Chun Pun telah memohon supaya SP4 membaca penyata bertulis tersebut secara kuat dan tidak hanya direkodkan sebagai telah dibaca. A

[8] Kemudiannya Peguambela bagi OKT9, iaitu En Ashok Athimulan telah membantah penggunaan penyata bertulis SP4 yang tersebut atas alasan ianya tidak teratur dan tidak mengikut peruntukan s 402B Kanun Tatacara Jenayah. B

[9] Setelah mendengar bantahan oleh pihak pembelaan, hakim bicara telah memutuskan bahawa *SP4 memberi keterangan secara lisan dan penyata saksi boleh dirujuk sebagai panduan*. Selepas keputusan diberikan, pihak TPR telah menjalankan pemeriksaan utama terhadap SP4 secara lisan (rujuk rekod semakan di ms 262 sehingga ms 280). C D

[10] Setelah perbicaraan berlangsung sehingga hampir jam 12.30 pm, pihak TPR memohon untuk perbicaraan ditangguhkan sehingga jam 2.30pm untuk membolehkan beliau mendapatkan arahan lanjut dari pegawai atasan di Ibu pejabat di Putrajaya atas beberapa isu yang mana pihak TPR *discover from this statement* (rujuk ms 281 Rekod Semakan B). Hakim bicara telah menangguhkan perbicaraan sehingga jam 2.30pm. E

[11] Apabila kes dipanggil semula pada jam 2.30pm, TPR telah memohon supaya perbicaraan pada petang tersebut ditangguhkan atas beberapa isu dan pihak pembelaan telah menjawab setiap isu tersebut (rujuk ms 282–287 Rekod Semakan B). Setelah mempertimbangkan hujahan kedua-dua pihak, hakim bicara telah membenarkan permohonan penangguhan oleh TPR dan tarikh sambung bicara yang baharu ditetapkan pada 5 dan 6 Januari 2023. F G

[12] Pada 5 Januari 2023, apabila kes dipanggil untuk sambung bicara, pihak TPR telah memaklumkan kepada hakim bicara, bahawa pihak Pendakwaan tidak akan meneruskan dengan keterangan SP4 atas alasan pihak TPR telah memfailkan satu permohonan semakan setelah merujuk kes kepada pihak atasan di Putrajaya. H

[13] Peguambela-peguambela tidak berpuas hati dengan tindakan pihak TPR dan telah memohon agar semua OKTdilepaskan tanpa dibebaskan (*DNAA*) (rujuk rekod semakan di ms 288–294). Setelah mempertimbangkan hujahan pihak-pihak, hakim bicara telah menangguhkan perbicaraan dan menetapkan tarikh 8 Februari 2023 untuk sebutan. I

A PENDENGARAN SEMAKAN DI MAHKAMAH TINGGI

[14] Setelah meneliti surat permohonan untuk semakan yang dikemukakan oleh pihak TPR, mahkamah ini telah bersetuju untuk mendengar permohonan semakan ini atas alasan bahawa Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk memastikan undang-undang jenayah dikendalikan dengan sewajarnya oleh mahkamah rendah sebagaimana dinyatakan oleh Abdul Hamid CJ (Malaya) di dalam kes *Liaw Kwai Wah & Anor v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 69; [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ Rep 163.

[15] Melalui permohonan semakan, mahkamah ini juga memberi peluang kepada pihak TPR dan juga pembelaan untuk mengemukakan sebarang hujahan undang-undang yang tidak dibentangkan atau dikemukakan di hadapan hakim bicara.

[16] Di dalam melaksanakan kuasa budibicara untuk mendengar semakan, mahkamah ini juga berpandukan prinsip yang jelas sepertimana dinyatakan oleh Jenkins CJ di dalam kes *R v Lachiram* ILR 28 Bom 533 bahawa:

> ... this controlling power of the Court is a discretionary power and it must be exercised with regard to all the circumstances of each particular case, anxious attention being given to the said circumstances, which vary greatly'

Selanjutnya di dalam kes *Re Soo Leot* [1956] 1 MLJ 54b, Buhagiar J telah mengikuti prinsip-prinsip yang dinyatakan oleh Jenkins CJ in *R v Lachiram*, yang memutuskan bahawa 'that the powers of the High Court in revision are exercisable at the discretion of the court and that discretion is untrammelled and free, so as to be fairly exercised according to the exigencies of each case'.

[17] Kedua-dua pihak telah diberi peluang untuk mengemukakan hujahan masing-masing semasa pendengaran permohonan semakan ini. Pihak TPR mengemukakan hujahan seperti berikut:

Isu pertama: Sama ada SP4 perlu membaca penyata saksi secara kuat

[18] Pihak TPR berhujah walaupun SP4 merupakan pengadu dan saksi utama (*star witness*) dalam perbicaraan tersebut, tiada keperluan untuk SP4 membaca semula penyata bertulis dengan kuat. Seksyen 402B KTJ yang baharu dimasukkan adalah untuk mempercepatkan perbicaraan. Penyata bertulis adalah menggantikan keterangan lisan oleh saksi-saksi. Di dalam kes *Miss Rossarin Nuekaew v Public Prosecutor* [2017] 5 MLJ 1; [2017] 5 MLRA 480; [2017] 8 CLJ 503 telah diputuskan bahawa:

> [8] The new s 402B of the CPC provides for a witness to give evidence by way of a witness statement. The maker of the statement who is called as a witness may only

be examined, cross-examined and re-examined orally in two situations. Firstly, where he is required to give additional evidence. Secondly, where he is requested by the other side to be cross-examined. The substitution of oral evidence with that of a written statement enables the parties to tender the witness statement as evidence during examination in chief. This in itself would save the court's time in recording the evidence.

...

[13] We are of the view that from a proper reading of sub-s 402B(6) of the CPC, that subsection does not require the witness statement to be read aloud in court in every situation. The court can direct that only a portion of the witness statement to be read or not at all.

[19] Selanjutnya dihujahkan bahawa tiada peruntukan di bawah s 402B KTJ yang menyatakan bahawa saksi utama/'*star witness*' mesti membaca semula penyata bertulis beliau. Perkara tersebut juga tidak dinyatakan di dalam Hansard.

Isu kedua: Keperluan untuk saksi menyediakan/menaip sendiri penyataan bertulis

[20] Selanjutnya pihak TPR berhujah bahawa di dalam s 402B KTJ tiada peruntukkan untuk saksi menyediakan sendiri penyata bertulis. Cara penyediaan bukanlah isu yang harus diberi penekanan, apa yang penting kandungan penyata bertulis tersebut adalah dalam pengetahuan saksi itu sendiri. Di dalam kes *Noor Hisham bin Md Nawi lwn Pendakwa Raya* [2022] MLJU 725; [2022] 1 LNS 719 telah diputuskan bahawa:

[32] Mahkamah berpandangan bahawa tiada keperluan pernyataan bertulis tersebut disediakan oleh saksi itu sendiri. Seksyen tersebut dengan sendiri adalah jelas dan tujuan utama Pernyataan Bertulis adalah bagi memberi kemudahan kepada semua pihak semasa perbicaraan kes *Miss Rossarin Nuekaew v Public Prosecutor* [2017] 5 MLJ 1; [2017] 8 CLJ 503.

[33] Mahkamah berpandangan bahawa jika tafsiran peguam tujuan s 402B KTJ tersebut diwujudkan. Ia juga akan berhadapan dengan kegagalan kerana tidak semua saksi memahami bagaimana sesuatu pernyataan bertulis saksi perlu disediakan. Ia akan menyebabkan peruntukan tersebut tidak tercapai.

[21] SP4 telah memberi keterangan bersumpah bahawa beliau ada memberi keterangan kepada pihak SPRM dan beliau ada menyediakan penyata bertulis. SP4 telah melihat penyata bertulis tersebut dan beliau sahkan bahawa terdapat 196 muka surat dalam penyata bertulis tersebut.

Isu ketiga: Format penyata bertulis saksi

[22] Berkaitan isu ini adalah dihujahkan oleh pihak TPR bahawa s 402B KTJ tidak memperuntukkan format penyata bertulis dalam bentuk 'soalan dan

jawapan'. Selanjutnya pihak TPR merujuk kepada s 268 KTJ yang memperuntukkan bahawa keterangan yang direkodkan adalah dalam bentuk naratif dan bukan dalam bentuk soal jawab. Oleh itu bagi melancarkan perbicaraan serta memudahkan pemahaman pihak-pihak, penyata bertulis disediakan dalam bentuk naratif.

Isu keempat: Keterangan 'hearsay' dalam penyata bertulis SP4

[23] Bagi isu ini, pihak TPR berhujah bahawa tidak terdapat keterangan *hearsay* di dalam penyata bertulis SP4, ini kerana saksi-saksi lain akan dipanggil bagi menyokong keterangan SP4. Pihak pembelaan juga mempunyai peluang untuk menyoal balas keterangan SP4.

[24] Adalah tidak munasabah untuk pihak peguambela menafikan penggunaan penyata bertulis secara keseluruhannya. Jika pihak pembelaan berpendapat wujudnya keterangan *hearsay* dalam penyata bertulis tersebut, maka keterangan tersebut boleh dikeluarkan dan bukan membantah penggunaan penyata bertulis tersebut secara keseluruhannya.

Isu kelima: Kegagalan pihak pembelaan membuat bantahan walaupun pernyataan bertulis saksi diserahkan awal

[25] Penyata bertulis SP4 telah diserahkan kepada pihak peguambela pada peringkat yang awal. Kriteria yang dinyatakan di dalam s 402B KTJ telah dipenuhi. Pihak pembelaan mempunyai masa yang mencukupi untuk meneliti serta menyediakan pembelaan sebelum perbicaraan bermula.

[26] Sejak penyerahan penyata bertulis SP4 kepada pihak peguambela OKT-OKTpada tahun 2020, tiada pada bila-bila masa pihak pembelaan memaklumkan kepada pihak TPR mengenai bantahan terhadap penggunaan penyata bertulis tersebut. Bantahan hanya dikemukakan pada 1 Disember 2022, iaitu selepas SP4 mengangkat sumpah dan SP4 dirujuk dengan penyata bertulis tersebut.

HUJAHAN OLEH PEGUAMBELA-PEGUAMBELA

[27] Encik CP Ang yang mewakili OKT1 dan 17 berhujah bahawa:

(a) permohonan semakan ini tidak teratur memandangkan keputusan/*ruling* oleh hakim bicara hanyalah 'procedural ruling' dan bukannya 'final order' dan ianya tidak melupuskan hak pihak-pihak secara muktamad;

(b) di dalam kes *Maleb bin Su v Public Prosecutor; Cheak Yoke Thong v Public Prosecutor* [1984] 1 MLJ 311, adalah diputuskan bahawa: 'the court

opined that the order must therefore be a final order in the sense that it is final in effect as in the case of a judgment or a sentence. The test for determining the finality of an order is to see whether the judgment or order finally dispose the rights of the parties';

(c) permohonan semakan ini tidak sewajarnya difailkan pada peringkat ini memandangkan perbicaraan sedang berlangsung dan hakim bicara masih belum membuat keputusan yang melupuskan hak pihak-pihak secara muktamad, maka permohonan semakan ini adalah tidak teratur menurut s 307, 323 dan 325 KTJ;

(d) jika pun terdapat 'incorrectness', 'impropriety' atau 'illegality' pada keputusan hakim bicara, proses perbicaraan di mahkamah sesyen tidak seharusnya diganggu dengan permohonan semakan ini. Pihak TPR masih mempunyai hak *statutory* untuk membuat rayuan setelah proses perbicaraan berakhir; dan

(e) permohonan semakan jenayah hanya boleh dibuat dalam keadaan wujud ketidakaturan undang-undang yang jelas 'appearing on the face of the record'.

[28] En Ashok Athimulan yang mewakili OKT9 dalam hujahannya membangkitkan isu berikut:

(a) penyata bertulis SP4 mengandungi soalan memimpin (*leading questions*) dan keterangan dengar cakap (*hearsay*). Seksyen 402B KTJ memperuntukkan bahawa kebolehterimaan penyata bertulis sebagai keterangan adalah sama sebagaimana kebolehterimaan keterangan lisan, maka penyediaan penyata bertulis adalah tertakluk kepada kaedah keterangan (*rules of evidence*) sebagaimana keterangan lisan. Dalam kata lain, penyata bertulis saksi tidak boleh mengandungi soalan memimpin dan keterangan 'hearsay' sebagaimana yang digariskan dalam Akta Keterangan 1950;

(b) penyata bertulis SP4 masih belum ditandatangani;

(c) tiada peruntukan undang-undang untuk OKT-OKTmengemukakan 'written notice' membantah penggunaan penyata bertulis saksi sepertimana s 399 dan s 402A KTJ;

(d) tiada peruntukan undang-undang mengenai tempoh masa untuk membantah suatu penyata bertulis dan tiada implikasi undang-undang sekiranya OKTgagal membantah penyata bertulis dalam suatu tempoh masa;

(e) permohonan semakan ini tidak selaras dengan peruntukan di bawah s 323 KTJ kerana pihak TPR tidak mengemukakan keterangan yang menunjukkan keputusan/*ruling* hakim bicara adalah 'illegal, improper and incorrect decision'; dan

(f) penyata bertulis SP4 tidak selaras dengan niat dan skop s 137 Akta Keterangan 1950 yang menghendaki pematuhan secara ketat berhubung dengan kaedah pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula.

[29] Selanjutnya peguam bela bagi OKT2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 21, 23 dan 25 berhujah bahawa:

(a) TPR telah menjalankan pemeriksaan utama terhadap SP4 secara lisan dan TPR telah memohon kes diberhentikan atas alasan ingin merujuk kepada pihak atasan di Putrajaya apabila pihak TPR mendapati keterangan lisan SP4 tidak memihak kepada pendakwaan; dan

(b) permohonan semakan ini juga tidak mengikut prinsip undang-undang memandangkan keputusan/*ruling* hakim bicara bukanlah satu *final order*. Pihak pendakwaan mempunyai ruang untuk membuat rayuan setelah kes selesai dibicarakan dan permohonan semakan ini adalah 'premature'.

[30] Manakala peguam bela bagi OKT19, 20, 22 dan 24 berhujah bahawa:

(a) peruntukan di bawah s 402B Kanun Tatacara Jenayah adalah bersifat 'directory'. Walaupun hakim bicara memutuskan bahawa penggunaan penyata bertulis SP4 tidak diterima, namun SP4 masih boleh memberi keterangan secara lisan;

(b) di dalam kes *Miss Rossarin Nuekaew v Public Prosecutor* [2017] 5 MLJ 1; [2017] 5 MLRA 480; [2017] 8 CLJ 503, mahkamah menyatakan seperti berikut:

> ... Kelima, fasal 8 bertujuan untuk memasukkan dua seksyen baru iaitu s 402B dan 402C ke dalam Akta 593. Seksyen baru 402B bertujuan untuk memudahkan penggantian keterangan berbentuk lisan dengan keterangan berbentuk bertulis ...

(c) di dalam Hansard juga *tidak* menyatakan bahawa pindaan pada s 402B Kanun Tatacara Jenayah ini bersifat mandatori untuk mengemukakan penyata bertulis saksi. Tidak ada satu peruntukkan yang spesifik di dalam Kanun Tatacara Jenayah bahawa penyata bertulis adalah satu perkara yang mandatori dan perlu dipatuhi oleh setiap mahkamah dalam perbicaraan sesuatu kes di hadapannya;

(d) penyata bertulis SP4 juga tidak mematuhi s 402B KTJ yang menghendaki penyata bertulis itu ditandatangani oleh saksi. Di dalam kes *Sri Ganesh a/l Jaya Balan v Public Prosecutor and other appeals* [2021] MLJU 2642; [2022] 2 MLRA 293 menyatakan bahawa:

> It must be noted that the permissive 'may' is used in this provision. Moreover, the requirement to serve 14 days before trial would not apply if 'parties

otherwise agree'. Thus, the stipulation as to service appears to be directory and not mandatory. Even in the case of the requirement to read aloud the statement in sub-s (6) where the imperative 'shall' is used, the Federal Court in *Rossarin NueKaew v Public Prosecutor* held that it is directory having regards to the purpose of s 402B which is to expedite trials. Therefore, even if previous counsel had assiduously objected to the witness statements in question, the court would not have ruled them inadmissible but may have postponed the trial to give more time to the defence or may even have ordered the witnesses to give oral evidence only. Thus, it is difficult to fathom the argument that such omission to object to the witness statements had resulted in a miscarriage of justice.

HUJAHAN BALASAN OLEH TPR

[31] Bagi menjawab hujahan pihak pembelaan, pihak TPR berhujah bahawa:

(a) keputusan yang dibuat oleh hakim bicara 'does not fall within the purview of the word 'decision' as defined in s 3 of the Courts of Judicature Act 1964' ('the COJA'). Seksyen 3 COJA menyatakan: 'Decision means judgment, sentence, order but does not include any ruling made in the course of trial or hearing of any cause or matter which does not finally dispose of the rights of the parties'. Oleh itu keputusan oleh hakim bicara bukanlah suatu keputusan yang boleh dirayu (*non-appealable*). Maka, permohonan semakan ini bukanlah pra-matang dan juga bukan suatu penyalahgunaan proses mahkamah. Di dalam kes *Lee Ming Chai v Public Prosecutor* [2020] MLJU 414 telah diputuskan seperti berikut:

> [12] I had dismissed the preliminary objections. It is trite that the ruling of the HMS in dismissing the Applicant's objection is non-appealable, as that finding would not come within the purview of the word 'decision' as envisaged under s 3 of the CJA ...
>
> [13] Hence the applicant has rightly exercised his legal right to come before this court to ask that this court exercise its revesionary powers. The application is neither premature nor an abuse of the court's process. In fact this court would only be able to determine the actual complaint by the applicant against the HMS's ruling upon perusing the record of the proceedings before the HMS.

(b) Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa semakan seperti mana yang dinyatakan dalam s 323(1) dan 31, 35, 36 dan 37 Akta Mahkamah Kehakiman 1964;

(c) adalah diakui bahawa penyata bertulis SP4 tidak ditandatangani, ini kerana SP4 tidak diberi ruang untuk berbuat demikian. SP4 telah mengangkat sumpah dan seterusnya telah memberi keterangan bahawa beliau ada menyediakan penyata bertulis. SP4 juga telah dirujuk dengan

penyata bertulis dan SP4 telah mengesahkan bahawa penyata bertulis tersebut mengandungi 196 muka surat;

(d) pihak peguambela telah membantah penggunaan penyata saksi tersebut sebelum SP4 sempat menandatanganinya. Keperluan bagi mendapatkan pengesahan dan tandatangan seperti mana yang diperuntukkan di bawah s 402B(2)(a) dan (b) KTJ telah pun dipenuhi oleh SP4 yang memberi keterangan bersumpah seperti yang termaktub dalam s 13 Akta Sumpah dan Ikrar 1949;

(e) selanjutnya adalah diakui bahawa s 402B KTJ tidak memperuntukkan mengenai tempoh masa untuk membantah penyata bertulis. Namun begitu adalah tidak adil untuk pihak pembelaan membantah penggunaan penyata bertulis SP4 pada saat-saat terakhir. Tiada indikasi atau makluman awal bahawa pembelaan tidak setuju dengan penggunaan penyata bertulis SP4 dalam perbicaraan, tambahan pula pihak pembelaan telah menerima penyata bertulis SP4 seawal tahun 2020;

(f) selanjutnya sebagai membalas hujahan pembelaan bahawa tiada implikasi undang-undang sekiranya pihak pembelaan gagal membantah penyata bertulis dalam suatu tempoh masa (*no legal consequence as to failure to object in time*), pihak TPR berhujah bahawa kes ini melibatkan 'money trail', banyak transaksi serta ramai tertuduh;

(g) oleh kerana itu, pihak TPR mengguna pakai penyata bertulis saksi bagi memudahkan proses mahkamah serta member ruang kepada pihak pembelaan untuk mencorak pembelaan. Tambahan pula penyata bertulis SP4 telah berada di tangan pihak pembelaan pada peringkat yang awal dan pihak pembelaan telah ada pengetahuan mengenai apa yang akan disampaikan oleh SP4 di mahkamah. Jika keterangan lisan SP4 diberikan, ini adalah tidak adil bagi pihak pendakwaan;

(h) selanjutnya adalah dihujahkan bahawa penyata bertulis SP4 sepatutnya diguna pakai di dalam perbicaraan kerana semua elemen di bawah s 402B KTJ telah dipenuhi dan pada masa yang sama menzahirkan niat parlimen bagi kemasukan seksyen ini;

(i) TPR juga dalam hujahannya merujuk kepada s 17A Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Akta 388) yang menyatakan:

> 17A Regards to be had to the purpose of Act
>
> In the interpretation of a provision of an Act, a construction that would promote the purpose or object underlying the Act (whether that purpose or object is expressly stated in the Act or not) shall be preferred to a construction that would not promote that purpose or object.

(j) akhirnya TPR berhujah bahawa kes yang dibicarakan di mahkamah sesyen SPRM adalah kes yang didaftarkan pada tahun 2019, dan telah ditangguh beberapa kali kerana wabak Covid-19. Tanpa penggunaan penyata bertulis SP4, ianya hanya akan melambatkan lagi proses perbicaraan dan ini sama sekali tidak selari dengan niat Parlimen dan objektif s 402B KTJ.

KUASA SEMAKAN MAHKAMAH

[32] Kuasa semakan mahkamah adalah seperti yang diperuntukkan di bawah s 31 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan s 325 KTJ seperti berikut:

Courts of Judicature Act 1964

31 Revision of criminal proceedings of subordinate courts

The High Court may exercise powers of revision in respect of criminal proceedings and matters in subordinate courts in accordance with any law for the time being in force relating to criminal procedure.

Criminal Procedure Code

325 Powers of Judge on revision

(1) A Judge may, in any case the record of the proceedings of which has been called for by himself or which otherwise comes to his knowledge, in his discretion, exercise any of the powers conferred by sections 311, 315, 316 and 317 of this Code.

(2) No order under this section shall be made to the prejudice of the accused unless he has had an opportunity of being heard, either personally or by advocate, in his own defence.

(3) Nothing in this section shall be deemed to authorize a Judge to convert a finding of acquittal into one of conviction.

[33] Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa Mahkamah Tinggi hanya akan menggunakan kuasa semakan di dalam keadaan berikut, di mana mahkamah rendah:

(a) gagal mematuhi peruntukan undang-undang;

(b) keputusan mahkamah rendah adalah tersangat salah;

(c) dapatan fakta tidak disokong oleh keterangan;

(d) keterangan material tidak dipertimbangkan; dan

(e) terdapat kekhilafan undang-undang atau peraturan atau semakan itu perlu dibuat demi kepentingan awam.

[34] Mahkamah ini merujuk kepada keputusan Mahkamah Agung di dalam kes *Liaw Kwai Wah & Anor v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 69; [1987] 1 CLJ

35; [1987] CLJ Rep 163 yang mana telah menyatakan bidang kuasa semakan Mahkamah Tinggi seperti berikut:

> Duty of High Court
>
> Basically, the duty lies with the High Court to see that the criminal law is properly administered by an inferior court. The judge's duty is to satisfy himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order, recorded or passed and as to the regularity of any proceedings of such inferior court. Where, for instance, a convicted person has scrupulous objection to invoke the jurisdiction of a High Court, either on a question of legality of conviction or error of law concerning the conviction or sentence, the judge ought to call for and examine the record with a view to exercising the revisionary power to correct a miscarriage of justice.

[35] Selanjutnya mahkamah ini juga berpandukan keputusan di dalam kes *Public Prosecutor v Kulasingam* [1974] 2 MLJ 26; [1974] 1 LNS 118, Hashim Yeop A Sani J (pada ketika itu) telah menyatakan seperti berikut:

> The powers of the High Court in revision are amply provided under s 325 of the Criminal Procedure Code subject only to sub-ss (ii) and (iii) thereof. The object of revisionary powers of the High Court is to confer upon the High Court a kind of 'paternal or supervisory jurisdiction' in order to correct or prevent a miscarriage of justice. In a revision the main question to be considered is whether substantial justice has been done or will be done and whether any order made by the lower Court should be interfered with in the interest of justice.

PENILAIAN DAN ANALISIS TERHADAP PERMOHONAN SEMAKAN

[36] Setelah meneliti rekod semakan dan menghalusi hujahan oleh kedua-dua pihak, mahkamah ini berpendapat bahawa isu utama yang perlu diputuskan dalam permohonan semakan ini adalah — *sama ada hakim mahkamah sesyen telah dengan betul menggunakan budi bicaranya apabila memutuskan bahawa keterangan SP4 diberikan secara lisan dan Penyataan Bertulis boleh digunakan sebagai panduan.*

[37] Seksyen 402B KTJ menyatakan seperti berikut:

> (1) In any criminal proceedings, a written statement by any person shall, subject to the conditions contained in subsection (2), be admissible as evidence to the like extent as oral evidence to the like effect by that person.
>
> (2) A statement *may* be tendered in evidence under subsection (1) if —
>
> (a) the statement purports to be signed by the person who made it;
>
> (b) the statement contains a declaration by that person to the effect that it is true to the best of his knowledge and belief; and
>
> (c) a copy of the statement is served, by or on behalf of the party proposing to tender it, on each of the other parties to the

proceedings not later than fourteen days before the commencement of the trial unless the parties otherwise agree.

[38] Penggunaan perkataan 'may' dalam s 402B(2) KTJ menunjukkan bahawa penyata saksi boleh dikemukakan ke mahkamah dan pengemukaannya bukanlah bersifat mandatori. hakim bicara mempunyai *budi bicara* sama ada akan menggunakan penyata saksi atau mendengar keterangan saksi secara lisan.

[39] Mahkamah ini berpandangan, apabila sesuatu peruntukan undang-undang itu jelas, maka mahkamah perlu menggunakan kaedah pentafsiran secara literal. Prinsip ini selaras dengan kes *Duport Steels Ltd and others v Sirs and others* [1980] 1 WLR 142. Dalam kes ini Lord Diplock di ms 157 memutuskan;

Where the meaning of the statutory words is plain and unambiguous it is not for the judges to invent fancied ambiguities as an excuse for failing to give effect to the plain meaning because they themselves consider that the consequences of doing so would be inexpedient, or even unjust or immoral.

[40] Oleh yang demikian, dengan menggunakan kaedah pentafsiran secara literal, perkataan 'may' seperti mana yang diperuntukkan dalam s 402B(2) KTJ tidak boleh ditafsirkan sebagai mandatori. Mahkamah ini menerima hujahan peguambela bagi OKT ke-19, 20, 22 dan 24 bahawa penggunaan penyata bertulis saksi yang diperuntukkan oleh s 402B KTJ hanyalah bersifat direktori dan hakim bicara mempunyai budi bicara sama ada untuk menerima atau menolak penyata saksi tersebut.

[41] Mahkamah juga berpendapat kuasa budi bicara yang digunakan oleh hakim bicara dalam perkara ini adalah tepat dan memenuhi tafsiran yang diberikan di dalam '*The Words and Phrases Legally Defined* (2nd Ed, Vo 2), at p 82' seperti berikut:

'Discretion' means that when it is said that something is to be done within the discretion of the authorities, that something is to be done according to the rules of reason and justice, not according to private opinion: *Rooke's Case* [1598] 5 Co Rep 996); according to law, and not humour. It is to be, not arbitrary, vague, but legal and regular. And it must be exercised within the limit to which an honest man competent to the discharge of his office ought to confine himself: *Wilson v Rastall* [1792] 4 Term Rep at p 757).' (*Sharp v Wakefield* [1891] AC 173, HL, per Lord Halsbury LC at p 179.) Maxwell on the Interpretation of Statutes, 12th Edn, at pp 147–8, under the Heading 'The exercise of discretions must be reasonable', states that even though an act done is ostensibly in execution of a statutory power and within its letter, it will nevertheless be held not to come within the power if done otherwise than honestly and within the spirit of the enactment. A discretion is to be 'regulated according to known rules of law.' (*Lee v Bude & Torrington Junction Ry Co* [1871] LR 6 CP 576, per Willes J at pp 580, 581), and not the mere whim or caprice

of the person to whom it is entrusted on the assumption that he is discreet ... 'It is true,' said Lord Greene MR in *Associated Provincial Picture Houses Ltd. v. Wednesbury Corporation* [1948] 1 KB 223 at p 229), 'the discretion must be exercised reasonably'.

[42] Mahkamah ini juga merujuk s 323 dan s 325 KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

> Section 323 Power to call for records of subordinate Courts.
>
> (1) A Judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that subordinate Court.
>
> Section 325 Powers of Judge on revision.
>
> (1) A Judge may, in any case the record of the proceedings of which has been called for by himself or which otherwise comes to his knowledge, in his discretion, exercise any of the powers conferred by sections 311, 315, 316 and 317 of this Code.

[43] Berdasarkan kedua-dua s 323 dan 325 yang tersebut, mahkamah ini boleh menggunakan kuasa semakan terhadap keputusan oleh mahkamah rendah sekiranya terdapat 'incorrectness, impropriety or illegality' pada keputusan/*ruling* tersebut.

[44] Setelah mendengar dan meneliti hujahan kedua-dua pihak, mahkamah ini tidak mendapati apa-apa 'incorrectness, impropriety or illegality' terhadap keputusan yang telah dibuat oleh hakim bicara yang mewajarkan untuk mahkamah ini campur tangan atau mengganggu keputusan hakim bicara tersebut.

[45] Berdasarkan nota keterangan dan sepertimana yang dihujahkan, mahkamah ini mendapati sejurus hakim bicara membuat *ruling*/keputusan tersebut, pihak TPR menunjukkan kesediaannya untuk meneruskan keterangan SP4 secara lisan dan perbicaraan berlangsung dengan SP4 memberi keterangan secara lisan.

[46] Pada pandangan mahkamah ini, prosiding perbicaraan yang telah berlangsung melalui keterangan lisan SP4 tidak menjejaskan tatacara perbicaraan yang adil kepada kedua-dua pihak, tambahan pula penyata saksi tersebut boleh dirujuk sebagai panduan.

[47] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan TPR bahawa semua kriteria sebagaimana yang diperihalkan dalam s 402B KTJ telah dipenuhi bagi membolehkan penyata bertulis dikemukakan sebagai keterangan di mahkamah.

[48] Selanjutnya, mahkamah ini turut mengambil kira hasrat penggubalan s 402B KTJ iaitu untuk memastikan kes jenayah di mahkamah dapat diselesaikan dengan kadar segera dan seterusnya dapat memastikan kes tersebut tidak tertunggak bagi tempoh yang terlalu lama.

[49] Sungguhpun demikian, mahkamah ini dalam mentafsirkan s 402B KTJ mendapati bahawa bukanlah niat parlimen untuk menjadikan pengemukaan penyata bertulis sebagai keterangan di mahkamah bersifat mandatori setelah kriteria yang termaktub dalam sub-s (2) dipenuhi. Dalam kata lain, hakim bicara masih boleh menggunakan budi bicara sama ada untuk menerima masuk penyata bertulis tersebut sebagai keterangan atau sebaliknya.

[50] Oleh yang demikian, bagi permohonan semakan di hadapan mahkamah ini, tugas mahkamah ini adalah untuk memutuskan sama ada hakim bicara telah melaksanakan budi bicara secara kehakiman (*judicial discretion*) apabila memutuskan bahawa *keterangan SP4 diberikan secara lisan dan penyata bertulis boleh digunakan sebagai panduan*.

[51] Dalam hal ini, mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan TPR bahawa hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang apabila memutuskan sedemikian. Oleh yang demikian, mahkamah ini mendapati tiada asas yang konkrit untuk mahkamah ini menggunakan kuasa semakan terhadap *ruling*/keputusan hakim bicara sebagaimana yang diperuntukkan dalam s 323 dan 325 KTJ.

KEPUTUSAN

[52] Setelah mendengar penghujahan pihak-pihak dan penghujahan bertulis yang telah difailkan, mahkamah ini tidak mendapati apa-apa kesalahan, ketidakaturan atau salah laksana oleh hakim bicara dalam memutuskan untuk *SP4 memberi keterangan secara lisan dan penyata saksi boleh dirujuk sebagai panduan*. Hakim mahkamah sesyen tersebut telah melaksanakan kuasa budi bicara kehakimannya (*judicial discretion*) dengan betul dalam memutuskan sedemikian.

[53] Oleh yang demikian pada menjalankan kuasa semakan menurut s 325 KTJ, mahkamah ini berpuas hati bahawa hakim mahkamah sesyen telah menggunakan kuasa budi bicaranya dengan teratur dalam membuat keputusan tersebut. Justeru, keputusan hakim mahkamah sesyen tersebut dikekalkan dan tiada perintah lain diberikan.

A *Keputusan mahkamah sesyen dikekalkan.*

Reported by Nabilah Syahida Abdullah Salleh

B

C

D

E

F

G

H

I